

?

Bagaimana untuk mengambil bahagian dalam proses penggubalan undang-undang

Toolkit ini bertujuan memberi panduan kepada sesiapa sahaja yang ingin memulakan pergerakan rakyat dengan bermatlamatkan perubahan



1

ISU

- Kenalpasti isu (*atau masalah*) yang membimbangkan kamu dengan melakukan [analisa pokok-masalah](#).
- Ianya mungkin isu di peringkat komuniti, daerah, negeri atau peringkat kebangsaan; contohnya pencemaran bunyi pada larut malam disebabkan oleh bunyi motosikal di kejiranan kamu, kekurangan infrastruktur awam yang memberi sokongan kepada orang kurang upaya, dsb.



2

PERUNDINGAN AWAL

- Jemput individu-individu, kumpulan-kumpulan atau komuniti yang terjejas dengan isu yang sama untuk satu perundingan awal. Kamu mungkin terkejut bila mendapati bahawa mereka juga menghadapi isu yang hampir sama. Sekarang, kamu boleh bekerja bersama-sama menuju matlamat yang sama.
- Dengan mendapatkan pandangan dari orang lain, ianya juga dapat membantu kamu untuk memahami isu tersebut dengan lebih menyeluruh dan berkesan.



3

BENTUK SATU GABUNGAN

- Gabungan ialah sekumpulan orang yang bersama-sama mengambil tindakan menuju matlamat yang sama.
- Bekerja dalam satu gabungan ada kelebihannya; kamu akan mewakili suara yang lebih besar untuk menggerakkan perubahan yang kamu mahu, bukannya bersendirian.

- Bagi membantu kamu kekal fokus kepada isu dan mencapai objektif kamu, hasilkan kertas konsep dimana kamu boleh tetapkan matlamat kamu, hasil yang dijangkakan, aktiviti dan strategi.
- Pada peringkat ini, adalah penting untuk bina kerjasama dengan individu-individu dan organisasi-organisasi lain yang tiada dalam gabungan untuk meluaskan pengaruh, sekutu, dan keterlihatan.
- Contoh kertas konsep boleh didapati di [sini](#).
- Bila menetapkan matlamat, guna formula **SMART**;
 - **S**pesifik (*Untuk siapa, di mana ia berlaku, bagaimana ia berlaku, berapa kerap ianya dinilai*)
 - **M**easurable/Boleh diukur (*Bagaimana matlamat itu diukur*)
 - **A**chievable/Boleh dicapai (*Dapat dicapai walaupun terdapat cabaran yang mungkin dihadapi dari segi kemampuan, sumber dan bajet*)
 - **R**ealistik (*Matlamat harus relevan dengan keperluan projek, organisasi, komunikasi dan masyarakat umum*)
 - **T**ime-Bound/Batasan Masa (*Matlamatnya harus mempunyai kerangka waktu tetap untuk pelaksanaan dan juga penilaian. Ini mendorong pasukan untuk bekerjasama dengan cekap bagi mencapai matlamat yang sama*)



4

PERANCANGAN DAN STRATEGI

- Ini adalah mengenai pemetaan kumpulan sasaran kamu, objektif dan strategi untuk membantu kamu melihat gambaran besar dan mengenal pasti pihak berkepentingan, bagi membangunkan pelan tindakan yang berkesan.
- Membuat perancangan dan strategi termasuklah merangka dan memperincikan aktiviti kamu, menetapkan garis masa dan mendelegasikan tugas kepada pasukan dan sukarelawan kamu
- Gunakan [rangka kerja logik](#) untuk membantu kamu membangunkan pelan tindakan kamu. Rangka kerja ini harus merangkumi pelan pelaksanaan, pengurusan, [pemantauan dan penilaian](#).

Kerangka logik juga merupakan cara bagi kamu untuk menyusun elemen-elemen utama dalam kempen kamu dan membuat aliran kerja yang masuk akal. Contohnya, untuk menganjurkan seminar awam, kamu harus mengenal pasti penceramah terlebih dahulu, mengesahkan tarikh dan masa, menempah tempat, menghantar jemputan, dan sebagainya. Ia juga menetapkan garis masa untuk memastikan kamu berada dalam kawalan dan fokus.

- Menjalankan satu semakan suku tahunan bagi sesuatu kempen adalah amalan yang baik untuk menilai dan menjejaki kemajuannya dan dengan itu dapat disesuaikan dengan sebarang perubahan dengan cepat.

- Akhir sekali, adalah penting untuk gabungan ini menjalankan penilaian risiko untuk mengatasi sebarang rintangan atau ancaman yang mungkin dihadapi semasa menjalankan kempen. Ini akan membantu gabungan ini untuk mengambil langkah sewajarnya apabila menghadapi halangan dan ancaman tersebut.
- Secara ringkasnya, di sinilah di mana gabungan ini berfungsi ke arah matlamatnya dengan tujuan yang jelas tentang apa yang mereka mahu lakukan, bagaimana untuk melakukannya, bila untuk melakukannya, di mana untuk memulakan, strategi apa yang akan dilakukan, dan siapa yang hendak disasarkan.



5

MEMBINA KAPASITI

- Sama ada sesuatu matlamat itu boleh dicapai bergantung kepada berapa banyak usaha yang kamu lakukan dalam merancang dan membina kapasiti pasukan kamu.
- Dalam perancangan kamu, ambil kira keperluan pasukan kamu dengan menjalankan analisa keperluan pembelajaran atau latihan.
- Membina kapasiti adalah penting untuk membangun dan mengukuhkan kemahiran, naluri, kebolehan, proses dan sumber daya pasukan. Akhirnya, ini akan meningkatkan keupayaan pasukan dan dengan sumber yang mencukupi, pasukan dapat menggunakan pengetahuan dan pengalaman mereka untuk membantu orang lain dengan cara menduplikasikan kerja yang baik ini.
- Beberapa kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan kempen adalah advokasi, rundingan, penceritaan, berurusan dengan media, penglibatan masyarakat, dan lain-lain.



6

PENYELIDIKAN

- Ini adalah siasatan dan kajian yang sistematik melibatkan sumber yang berkaitan dengan isu ini bagi memantapkan fakta dan mencapai kesimpulan (*baru*).
- Ini termasuk pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif bagi membantu gabungan untuk memahami isu ini secara bijak (*anggap ia sebagai mengumpul "risikan"*).

✓ Kajiselidik

- Pengumpulan maklumat mengenai tingkah laku dan pengalaman orang lain selain daripada kumpulan ini adalah penting, bagi memahami sejauh manakah masalah ini mempengaruhi majoriti.
- Biasanya ia dirujuk sebagai data kuantitatif (*berdasarkan kuantiti*).
- Kajiselidik juga boleh membantu dalam mengenalpasti calon yang sesuai untuk dilanjutkan ke kajian kualitatif (*berdasarkan mutu dan kualiti*).

✓ Dokumentasi

- Setelah kamu mengenalpasti calon yang sesuai untuk kajian kualitatif, kamu boleh mulakan dengan proses dokumentasi. Di sinilah, di mana kamu merekod secara terperinci bagaimana isu ini telah memberi impak kepada individu-individu secara spesifik.
- Kajian kualitatif bertujuan untuk mengenalpasti keseriusan sesuatu isu dan kemungkinan jalan penyelesaian, bagi menangani isu ini dengan cara yang menyeluruh.

✓ Kajian

- Pengalaman, akibat, kisah kejayaan dan pengajaran dari negara atau rantau lain boleh memberikan data berguna dan penting untuk penyelidikan. Ini termasuklah polisi dan undang-undang.



7

KERTAS ISU (GREEN PAPER)

- Kertas isu biasanya menunjukkan penemuan penyelidikan dan mengenalpasti soalan utama mengenai isu yang perlu dijawab bagi menghasilkan penyelesaian yang berkesan.
- Ini adalah laporan awal yang perlu diterbitkan secara meluas bagi mengundang perbincangan dan perundingan awam.
- Ringkasnya, kertas ini berfungsi sebagai dokumen perundingan dan menyediakan peluang kepada pihak berkepentingan, termasuk penggubal undang-undang dan orang ramai untuk mengemukakan input mereka berdasarkan soalan-soalan yang telah diusulkan.



8

PERUNDINGAN AWAM/PIHAK BERKEPENTINGAN

- Pihak awam dijemput untuk memberikan input mereka mengenai isu tersebut. Beberapa cara untuk melakukan ini termasuk menganjurkan seminar, ceramah, mesyuarat townhall untuk menyuarakan pendapat peserta mengenai isu ini dan menggalakkan perbincangan, menjemput maklumbalas (*dalam talian dan luar talian*) dan penglibatan dengan semua peringkat masyarakat yang terjejas oleh isu ini.
- Beberapa contoh pihak yang berkepentingan adalah agensi kerajaan, penggubal undang-undang, penguatkuasa undang-undang (*polis*), ahli akademik, badan berkanun (*seperti Majlis Peguam Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia / SUHAKAM*), sektor swasta (*syarikat yang terlibat dalam isu ini*), media, pelajar dan mangsa.

PROSES – Memudahkan penglibatan dengan pihak berkepentingan

9



LAPORAN DAN CADANGAN (*WHITE PAPER*)

- Matlamat utamanya adalah untuk memperbaiki kecekapan, ketelusan dan penglibatan orang awam dalam projek berskala besar atau merangka undang-undang dan dasar baru.
- Laporan ini membentangkan input yang diterima daripada orang ramai mengenai kertas isu (*kertas hijau*).
- Cadangan mengenai penyelesaian juga disediakan dalam laporan tersebut. Ianya boleh merangkumi pembaharuan undang-undang atau dasar, dan/atau kempen peningkatan kesedaran.



10

KEMPEN KESEDARAN AWAM

- Kempen kesedaran awam yang baik harus mempunyai mesej yang jelas atau panggilan untuk bertindak yang kukuh. Ia mesti dibentangkan dengan jelas dan boleh dikaitkan dengan tepat kepada kumpulan yang disasarkan.
- Sebaik sahaja kamu mengenal pasti kumpulan sasaran, kamu boleh menentukan kaedah komunikasi terbaik untuk melancarkan kempen kesedaran awam kamu.
- Sesuatu kempen tidak akan berjaya tanpa pasukan dan strategi. Jadi, tubuhkan satu pasukan yang akan membangunkan strategi kempen kesedaran awam; contohnya, melibatkan media secara berterusan, wujudkan laman web, laman media sosial dan/atau e-makalah, penyelenggaraan kandungan media sosial, pembangunan maklumat, komunikasi dan bahan-bahan pendidikan, dan sebagainya.



11

KIT PEMANDIRI/SURVIVOR

(Elektif – bergantung kepada isu dan bagaimana ia mempengaruhi masyarakat)

- Kit ini dihasilkan berdasarkan keperluan kumpulan yang terjejas (*mangsa*) selepas berunding dengan mereka.
- Ia menyediakan maklumat yang relevan dan bermanfaat untuk kumpulan yang terjejas dalam menangani isu ini dan bagi mendapatkan bantuan.

TINDAKAN – Menganjurkan/menyusun dan menggerakkan untuk bertindak

12



BENTANG RANG UNDANG-UNDANG

- Salah satu kaedah untuk mendorong perubahan ialah penggubalan undang-undang. Walau bagaimanapun, ia biasanya memerlukan komitmen jangka panjang bagi kumpulan itu untuk berurusan dengan wakil rakyat di parlimen bagi mencapai perubahan ini. Kebanyakan rang undang-undang secara tipikalnya boleh mengambil masa yang lama untuk diluluskan di parlimen, sesetengahnya lebih dari sepuluh tahun. Oleh itu, bersedialah untuk perjalanan yang panjang dan jangan hilang harapan atau putus asa jika ianya mengambil masa yang lebih lama dari yang kamu harapkan.
- Ikuti proses bagaimana penggubalan undang-undang dicapai di parlimen dengan klik di [sini](#).